

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN / BH]

Jun Hoong janji tak 'besar kepala'

Sepang: Cheong Jun Hoong tidak tertekan dengan gelaran juara dunia yang dirangkulnya minggu lalu, namun sebaliknya mengakui dia kini gembira menjadi inspirasi buat atlet negara bagi meraih kejayaan yang sama.

Sambil menyifatkan kejayaan di Budapest, Hungary pada Kejujutan Akuatik Dunia dalam acara 10 meter platform individu wanita itu sebagai cukup membanggakan, Jun Hoong berkata, ia tidak akan menjadikannya 'besar kepala'.

"Selepas satu-satu kejutan, saya perlu mula kembali dari kosong kerana bagi saya ia sudah berlaku dan perlu mulakan sekali lagi," katanya di Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam seurus diberikan sambutan wira.

Tak bimbang kecederaan

"Bagi saya, Kejutan Dunia ini persiapan terbaik buat semua dan saya gembira dapat menang dan memberi inspirasi untuk mendapat keputusan lebih baik

Fakta
nombor

397.5 MATA

dikumpul Cheong Jun Hoong dalam acara 10m platform Kejujutan dunia

24 HARI LAGI

SUKAN SEA KE-29

KUALA LUMPUR 2017



selepas ini.

"Bagi saya, gelaran ini sekadar satu gelaran. Tiada orang sentiasa boleh jadi juara dunia sepanjang masa kerana setiap kejutan mesti ada satu juara. Saya tidak dapat rasa tekanan kerana saya sudah buat negara bangga," katanya.

Mengulas kecederaan belakang yang dihadapinya, Jun Hoong berkata, dia tidak begitu bimbang mengenai situasi itu sekali pun temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) bakal menjelang.

Jun Hoong yang tiba bersama kontinjen terjun negara di KLIA, disambut penuh meriah dengan kehadiran lebih 1,000 peminat dan penggiat sukan tempatan. Turut hadir adalah Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Selain pingat emas acara 10 meter platform individu wanita, dia bersama gandingannya Pandelela Rinong turut membutuhkan pingat gangsa dalam acara 10 meter platform seirama.